

R 8116 DEB  
RAHIM - KEMBAR

MELAKA, 10 DIS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD TELAH BERSETUJU SUPAYA BANDAR MELAKA DAN KUALA LUMPUR DIJADIKAN BANDARAYA KEMBAR.

KETUA MENTERI DATUK SERI ABDUL RAHIM TAMBY CHIK BERKATA SEGALA PERSIAPAN AKAN DIBUAT UNTUK UPACARA MENANDATANGANI PERJANJIAN TERHASUK MELANTIK SEDRANG DATUK BANDAR BERSEJARAH.

+SAYA TELAH PUN MENGARAHKAN PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI DAN PESAWAI KEMANGAN NEGERI UNTUK MEMBUAT PERSIAPAN MENGENAI SURAT PERJANJIAN SERTA PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN.+ KATANYA PADA MAJLIS MAKAN MALAH YAYASAN MELAKA DI AIR KERUH COUNTRY RESORT, DEKAT SINI, MALAH TADI.

BELIAU BERKATA, UPACARA MENANDATANGANI PERJANJIAN ITU HUNGMKIN DIADAKAN PADA 15 APRIL TAHUN DEPAN IAITU TARIKH MELAKA AKAN DIISYTIHARKAN SEBAGAI BANDARAYA BERSEJARAH.

DATUK SERI ABDUL RAHIM BERKATA, PENGISYTIHARAN BANDARAYA KEMBAR ITU AKAN MERANCANGKAN PERTUMBUHAN SEKTOR PELANCONGAN DI NEGERI INI DAN JUGA DI KUALA LUMPUR. -- LAGI  
0952MST 10 12 88

0414

R 8117 DEB  
RAHIM - KEMBAR 2 MELAKA

KATANYA, PELANCONG YANG MELANAT KUALA LUMPUR BOLEH DIBAWA KE MELAKA MEMANDANGKAN BANYAK TEMPAT PELANCONGAN DI NEGERI INI DAN SESITU JUGA SEBALIKNYA.

MELAKA BOLEH MENAMARKAN TEMPAT-TEMPAT PELANCONGAN YANG TIDAK TERDAPAT DI KUALA LUMPUR DAN SESITU JUGA BEBERAPA KEMUDAHAN LAIN YANG TIDAK TERDAPAT DI MELAKA BOLEH DIPEROLEHI DI KUALA LUMPUR.

MENGENAI YAYASAN MELAKA, KETUA MENTERI MAHU AHLI LEMBAGA PENSARAH MELAKSANAKAN APA JUA KEPUTUSAN YANG DIBUAT SUPAYA SEGALA PERANCANGAN BERJALAN LANCAR.

BELIAU BERHARAP YAYASAN ITU DAPAT MEMPERTINGKATKAN KEDUDUKAN KEMANGANNYA DI SAMPING MENCAPI PRESTASI YANG HUNASABAH KERAMA KERAJAAN NEGERI MAHU MELIHAT YAYASAN ITU BERKEMBANG MAJU.

DATUK SERI ABDUL RAHIM, YANG JUGA PENSERUSI YAYASAN MELAKA, BERKATA SEBANYAK 46.3 JUTA TELAH DIBELANJAKAN SETAKAT INI OLEH YAYASAN BESI MEMBIAYAI PROGRAM PENDIDIKAN TERHASUK BIASISMA DAN DERMASISMA. -- BERNAMA  
0954MST 10 12 88